

# SUKAN

# UMS CAPAI SASARAN

NST 4-2-16 24

OLEH FRANCIS XAVIER  
francis@newsabahtimes.com.my

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) mencapai sasaran pingat dalam Karnival Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) ke-3 di Johor Bahru.

Mereka mencapai sasaran mengutip enam pingat emas meskipun kejohanan masih ada dua hari lagi yang akan berakhir pada Jumaat ini.

Peserat Karate e Christina Edris mengutip pingat emas keenam itu untuk UMS selepas menumpaskan Siti Hajar Mohd Azhar daripada UIA 2-1 dalam kategori wanita individu kumite 68kg dan ke atas.

Itu adalah pingat emas kedua individunya dalam sukan itu.

Christina, yang turut bertanding dalam acara Silat, juga mengutip pingat emas bagi Kategori Puteri E.

“Kita amat gembira sudah mencapai sasaran. Kita ingin mengucapkan tahniah kepada semua atlet yang mengutip emas untuk UMS,” kata Pengarah Pusat Sukan UMS, Mohd Asyraaf Fong Abdullah ketika dihubungi kelmarin.

“Jika kita mengutip lagi pingat emas ianya dalah bonus,” kata Asyraaf.

Selain mengutip emas, UMS juga mengutip perak dan tiga gangsa dan pingat ini disumbangkan oleh atlet dari padang dan belapan dan berpasukan.

Max Anzie Jetol mengutip perak dalam acara baling lembing lelaki. Beliau juga mengutip pingat gangsa untuk lontar peluru.

Jvan Jvander Johwas mengutip gangsa keduanya selepas menduduki tempat ketiga bagi acara lompat jauh untuk lelaki. Pingat gangsa ketika diketip oleh Willary Cristen Linom dalam acara beling lembing.

Terdahulu, UMS mengutip emas pertama

dalam sukan tahunan itu melalui acara taekwondo.

Raymond Toh Men Hui, Ahmady Radi and Lee Kim Qin menang bagi acara poomsae dengan 6.98 mata menumpaskan, Universiti Help di tempat kedua dengan 6.56 mata.

UMS memenangi emas kedua dalam acara taekwondo melalui acara poomsae. Pasangan Ahmady dengan Cheong Pui Siong mengutip emas acara campuran poomsae.

Dia juga menang pingat emas untuk Puteri E selepas menumpaskan Nurnabilah Natasya Abdullah daripada UiTM di final untuk emas ketiga UMS.

Emas keempat UMS diperolehi melalui trio Nur Syahirah Bryanna Gomes, Nyuk Yin Tseu dan Vedora Jessica Peter apabila menumpaskan trio IIUM 5-0 untuk acara kata berpasukan.

Emas kelima dimenangi oleh Ana Lydia Tinggi untuk acara lompat jauh wanita.

